

Yusri Abd Malek dan Mohd Firdaus Ibrahim am@hmetro.com.my

SAMPAN TARIK 4 LEMBU

■ Haiwan korban dipaksa 'berenang' seberang Sungai Golok

Tempat

Lembu diikat menggunakan tali pada sampian sebelum dibawa 'berenang' menyeberangi Sungai Golok dari Thailand ke Malaysia.

Itu aksi dapat disaksikan langsung oleh wartawan ketika melakukan pengintipan bersama pegawai dan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) Pengkalan Kubor, di sini, diketuai Pegawai Pemerintahnya, Asisten Superintendan Ahmad Amri Abd Rahman selepas menunggu lebih 10 jam.

Kreativiti ahli sindiket penyeludupan terutamanya tekong yang mampu membawa dua hingga empat ekor lembu pada satu masa menggunakan sampian berkenaan cukup memeranjatkan wartawan.

Diakui, tindakan ataupun kaedah digunakan mereka itu adalah pertama kali disaksikan wartawan kerana pada mulanya kami sangkakan akan ada seorang individu berenang untuk menarik lembu berkenaan menyeberangi sungai itu.

Segala tindakan kegiatan penyeludupan lembu itu dapat dirakam lensa kamera juruvideo Shahrul Redzuan Zulkifli dan jurugambar Ghazali Kori untuk tatapan pembaca.

Operasi khas mengekang kegiatan penyeludupan haiwan ternakan itu dirancang bersama Komander PPM Bukit Aman Senior Asisten Komisioner Abdul Rahim Abdullah sejak sebulan lalu sebelum dijayakan pada 24 Ogos.

Dalam operasi khas sempena Aidiladha yang bakal kunjung tiba pada 12 September depan itu, anggota dan pegawai PPM sudah pun berada di lokasi bermula seawal jam 2 pagi.

Diketuai Ahmad Amri dengan kekuatan enam pegawai dan anggotanya, wartawan dibawa masuk ke kawasan sungai berkenaan selepas berjalan beberapa kilometer dari lo-



kasi sasaran.

Ini bagi mengelakkan kedatangan semua pihak dikesan kerana sindiket pasti segera menghentikan kegiatan mereka sebaik menyedarinya.

Selepas lebih tiga jam berada di semak di kawasan sungai itu, wartawan yang sudah menjadi 'makanan' nyamuk mula bimbang jika operasi berkenaan tidak berjaya.

Perasaan sedemikian pasti ada setiap kali wartawan melaksanakan operasi khas dengan pasukan keselamatan kerana kejayaannya ada-

lah diibaratkan seperti kata pepatah 'untung sabut timbul'.

Kebimbangan wartawan itu tidak diluahkan kepada pegawai dan anggota PPM kerana terkenangkan semangat dan komitmen mereka dalam menjaga keselamatan negara.

Bayangkan, begitulah kesukaran terpaksa dilalui pasukan keselamatan negara saban hari bagi mengekang kegiatan penyeludupan di sepanjang sungai berkenaan. Bukan sekadar menjadi 'makanan' nyamuk sebaliknya nyawa mereka juga dalam bahaya.

Juurnya, wartawan sendiri tidak mampu bersabar seperti pegawai dan anggota PPM itu.

Ahmad Amri tiba-tiba menghampiri wartawan sebelum memaklumkan bahawa terdapat kesan pergerakan pada jam 5 pagi.

"Kita lihat ada pergerakan menggunakan binokular. Insyallah kita akan berjaya kali ini," katanya.

Kata-kata itu mungkin biasa buat mereka namun ia cukup bermakna bagi saya selepas beberapa jam bertahan menjadi makanan nyamuk.

Ahmad Amri seterusnya merangka plan tertentu bagi mengelakkan

penyeludup berjaya lolos bersama ternakan.

"Kita tidak boleh terus serbu kerana jika berbuat begitu, lembu yang dirampas mungkin sedikit. Untuk berjaya kita kena sabar lagi," katanya.

Wartawan difahamkan, setiap lembu yang dibawa menyeberangi Sungai Golok itu seterusnya diheret ke kawasan hutan.

"Kadang-kala dua hingga lima kilometer dari sungai ini mereka tarik (lembu). Sama ada dihantar terus ke kandang ataupun disimpan di hutan berkenaan. Seterusnya, lembu itu akan dimuatkan dalam lori, dihantar kepada pembeli tempatan ataupun luar," katanya.

Kegelapan malam tadi mula berganti cahaya, kini jam ditangan menunjukkan 9 pagi namun semua pihak masih sabar menunggu dan memerhati setiap gerak geri sindiket berkenaan.

Diakui, sebelah siang memudahkan kami melakukan pemerhatian namun ia juga mungkin mudah buat ahli sindiket menyedari kehadiran dan operasi itu menjadi gagal.

Kegiatan penyeludupan haiwan



seperti lembu dan kerbau itu sebenarnya aktif pada sebelah malam namun disebabkan permintaan yang tinggi, sindiket berani mengambil risiko untuk melakukannya di waktu siang.


Pada jam 11 pagi, serbuan kemudian terus dilakukan di kawasan tebing Sungai Golok itu sebaik dua ahli sindiket mendarat di tebing sungai.

Dua ahli sindiket itu bertemparan melarikan diri sebelum lesap di sebalik hutan berkenaan selepas mungkin menyedari kehadiran polis.

Pegawai dan anggota PPM terus mengesan dengan sabar dan walaupun dua ahli sindiket dapat meloloskan diri namun lembu cuba diseludup dapat ditemui dua kilometer dari Sungai Golok iaitu di pinggir hutan Kampung Bendang Pak Yong, di sini.

Ahmad Amri berkata, dalam operasi berkenaan pihaknya berjaya merampas 10 ekor lembu dianggarkan bernilai RM40,000.

Semua lembu yang dirampas kemudiannya diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) untuk tindakan lanjut.



WARTAWAN serta anggota PPM menjalankan operasi pengintipan penyeludup lembu di Sungai Golok.



KAKIRANGAN MAQIS menjalankan pemeriksaan kesihatan ke atas lembu yang dikuarantin.